



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: IMPLIKASI PENGHANTARAN SEMULA PEKERJA ARING
KADIAN KES DI FELDA UMAS, TAWAU, SABAH.

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA HARTINI BINTI ALIMIN
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Hty

(TANDATANGAN PENULIS)

Fauze Bin Sarjano

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: DIA RAHMAN MUSTAPA
14, TG. BATA TENGAH, PIS 865
91008 TAWAU.

EN- FAUZE BIN SARJANO
Nama Penyelia

Tarikh: 4. MEI. 2009

Tarikh: 4. MEI. 2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017187



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IMPLIKASI PENGHANTARAN SEMULA PEKERJA
ASING: KAJIAN KES DI FELDA UMAS, TAWAU,
SABAH.**

HARTATY BINTI ALIMIN

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Latihan ilmiah ini bertajuk "Implikasi Penghantaran Semula Pekerja Asing: Kajian Kes Di Felda Umas, Tawau, Sabah" yang disediakan oleh Hartaty Binti Alimin ini adalah bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disediakan Oleh:



(En. Fauzie Bin Sarjono)

Penyelia Latihan Ilmiah

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Tarikh:

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Hty

HARTATY BINTI ALIMIN

HA2006-6286

4 MEI 2009



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya maka dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih saya kepada ayah dan ibu yang telah banyak memberikan galakan dan panduan kepada saya sepanjang melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah. Berkat doa dan restu mereka juga membolehkan saya berjaya menjejakkan kaki ke menara gading dan seterusnya berjaya menamatkan pengajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada En. Fauzie Bin Sarjono selaku penyelia akademik saya yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada beliau mungkin latihan ilmiah ini tidak dapat disiapkan. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah Program Hubungan Industri yang banyak memberikan input yang berkesan kepada saya.

Ribuan terima kasih kepada En. Syed Kamaruzzaman Bin Syed Nong, Pengurus Felda Umas 5, En. Markam Loso, Pengurus Felda Umas 1 dan semua kakitangan Felda Umas, Tawau yang telah banyak memberi bantuan dan maklumat-maklumat yang penting sepanjang saya menjalankan kajian di sana.

Terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Imigresen dan lain-lain jabatan yang banyak memberikan bantuan. Seterusnya terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan dalam Program Hubungan Industri dan rakan-rakan lain di Universiti Malaysia Sabah. Semoga ilmu yang kita timba dan perolehi di universiti ini dapat dijadikan panduan dan diaplikasikan dengan baik semasa berada di alam pekerjaan kelak.

Teristimewa buat sahabat-sahabat baik saya iaitu Harianto, Herna, Halindah, Fazirah, Zalmiah, Lyester, Fitri, Hawaina dan Siti Rohayah atas nasihat, semangat, tunjuk ajar dan dorongan yang diberikan.

Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga jasa kalian akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. InsyaAllah.

Hartaty Binti Alimin
Program Hubungan Industri,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah,
Beg Berkunci 2073,
88999 Kota Kinabalu,
Sabah.



ABSTRAK

Kajian ini merupakan usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengetahui implikasi penghantaran semula pekerja asing yang berlaku di FELDA Umas, Tawau, Sabah. Teori yang berkaitan dengan penghijrahan pekerja asing ke negara ini adalah Teori Tarikan-Tolakan. Faktor tarikan pekerja asing ke negara ini adalah wujudnya kekurangan penawaran tenaga buruh tidak mahir. Manakala faktor tolakan pula adalah tingkat upah yang rendah di negara asal mereka. Penggunaan buruh asing yang ramai di FELDA Umas juga adalah disebabkan rakyat tempatan yang terlalu memilih pekerjaan dan kurang kemahiran dalam pekerjaan di ladang. Faktor-faktor yang mendorong pihak pengurusan FELDA Umas menghantar semula pekerja asing mereka adalah kerana permit kerja pekerja asing telah tamat dan faktor kesihatan yang kurang baik dalam kalangan pekerja asing. Oleh itu, implikasi penghantaran semula pekerja asing dapat dibahagikan kepada implikasi negatif dan positif. Implikasi negatif yang utama adalah produktiviti ladang jatuh akibat kekurangan pekerja asing walaupun dalam jumlah 10-30 orang setahun. Manakala implikasi positif yang wujud pula adalah dapat mengurangkan jangkitan penyakit yang dihadapi oleh pekerja asing. Hal tersebut untuk mengelakkan jangkitan penyakit berlaku di ladang dan merebak kepada masyarakat tempatan.

ABSTRACT

This study is an effort by the researcher to find out about the implications of bringing back the foreign workers in Felda Umas, Tawau, Sabah. Theory that related to the migration of the foreign workers to this country is the Theory of push and pull. The 'pull' factors that attract the foreign workers to come to this country is due to the lack of supply of unexpert labour. While the "push" factor is because of the low amount of wages in their country. The vast use of foreign workers in Felda Umas is also because of the local people being too choosy in work and lack of expertation in the plantation sector. Among the factors that actuate the management of Felda Umas to bring back the foreign workers because of their working permit have expired and due to their healthy problem. For this reason, the implication of bringing back the foreign workers can be devide into negative implication and positive implication. The negative implication is the productivity of the plantation decline due to the insuficient foreign workers eventhough it is only sum 10 to 30 persons per year. While for the positive implication of this situation it will help to reduce the infection of desease that this foreign workers have suffered. This is important to avoid the infection of the desease at the plantation and to the local people.



ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGESAHAN PENYELIA		i
PENGAKUAN PELAJAR		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
ISI KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI RAJAH		x
DAFTAR SINGKAT		xi
SENARAI LAMPIRAN		xii
BAB SATU	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Skop dan Limitasi Kajian	7
1.6	Andaian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Definisi Operasi	10
1.8.1	Warga Asing	10
1.8.2	Buruh Asing	10
1.8.3	Penggunaan Buruh Asing	10
1.8.4	FELDA	10
1.8.5	Implikasi	11
1.8.6	Pengurusan Sumber Manusia	11
BAB DUA	Sorotan Literatur	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Pengurusan Sumber Manusia	13
2.3	Konsep	14
2.3.1	Konsep Permintaan	15
2.3.2	Pemintaan Buruh	15
2.4	Teori	15
2.4.1	Teori Tarikan-Tolakan (Push-Pull Theory)	15
2.4.1.1	Teori Tarikan	17
2.4.1.2	Teori Tolakan	19
2.5	Kajian Lepas	20
2.6	Latar Belakang Felda	29
2.6.1	Pengenalan	29
2.6.2	Sejarah Penubuhan Skim FELDA	30
2.6.3	FELDA Di Malaysia	33
2.6.3.1	Kriteria Pemilihan Peneroka	39
2.6.3.2	Kawasan Yang Dibangunkan	42



2.6.4	Sejarah Penubuhan FELDA Di Sabah	44
2.6.5	FELDA Umas Di Tawau	47
2.6.6	FELDA Holding Bhd	49
BAB TIGA	METODOLOGI	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Pendekatan Kualitatif	54
3.2.1	Populasi dan Persampelan	55
3.2.2	Instrumen Kajian	55
3.2.3	Data Primer	56
3.2.4	Data Sekunder	56
3.3	Kaedah Yang Digunakan	56
3.3.1	Kajian Kes	57
3.3.2	Kaedah Temubual	58
3.3.3	Kaedah Pemerhatian	58
3.3.4	Kaedah Analisis Kandungan	59
3.4	Kesimpulan	59
BAB EMPAT	IMPLIKASI PENGHANTARAN SEMULA PEKERJA ASING	60
4.1	Pengenalan	60
4.2	Penggunaan Pekerja Asing Di Felda Umas	61
4.3	Jumlah Pekerja Asing Di Felda Umas	66
4.4	Faktor-Faktor Penghantaran Semula Pekerja Asing Di Felda Umas 5	69
4.4.1	Masalah Kesihatan	70
4.4.2	Tamat Permit Kerja	73
4.5	Implikasi Penghantaran Semula Pekerja Asing	78
4.5.1	Implikasi Negatif Penghantaran Semula Pekerja Asing	79
4.5.1.1	Produktiviti Menurun	79
4.5.1.2	Pengaliran Matawang Ringgit Ke Luar Negara	85
4.5.2	Implikasi Positif Penghantaran Semula Pekerja Asing	86
4.5.2.1	Hubungan Sosial Keluarga	86
4.5.2.2	Kesihatan Awam	87
4.5.2.3	Aspek Keselamatan	88
4.6	Kesimpulan	92

BAB LIMA	PENUTUP	94
5.1	Rumusan Kajian	94
5.2	Implikasi Kajian Terhadap Teori Tolakan-Tarikan	97
5.3	Implikasi Kajian Terhadap Kajian Lepas	97
5.4	Cadangan	99
5.5	Kesimpulan	100
	RUJUKAN	101
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 Pembahagian Kerja Bagi Pekerja Asing Mengikut Sektor Ekonomi Di Sabah (2001-2003)
- Jadual 1.2 Pekerja Asing Di Sabah Mengikut Kewarganegaraan (2001-2003)
- Jadual 2.1 Tenaga Pengurusan FELDA
- Jadual 2.2 Kriteria Pemilihan Peneroka Dari Tahun 1961-1974
- Jadual 2.3 Kawasan Yang telah Dibangunkan Berdasarkan Statistik April 2004
- Jadual 2.4 Tahun dan Jumlah Keluasan Pembangunan Tanah Felda Di Sabah (Sehingga 1 Mac 1984)
- Jadual 2.5 Penempatan dan Pengeluaran Hasil Tanaman Rancangan Sahabat
- Jadual 4.1 Jumlah Pekerja Mengikut Tahun Lanjutan Dari Tahun 2005-2009
- Jadual 4.2 Jumlah Pekerja Asing Di Felda Umas 1
- Jadual 4.3 Jenis Penyakit Yang Dikesan Yang Melibatkan Pekerja Asing Pada Tahun 1997-2002
- Jadual 4.4 Statistik Pendatang Asing (Luar Negeri) Yang Ditangkap Oleh Jabatan Imigresen Dan Jabatan Polis Negeri Sabah (Januari 1999-Mei 1999)
- Jadual 4.5 Statistik Pengusiran Pendatang Asing (Luar Negeri) yang Dijalankan Oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah (Januari 1999-Mei 1999)
- Jadual 4.6 Statistik Pengusiran Warganegara Indonesia (Januari-Oktober 2008)
- Jadual 4.7 Jumlah Jenayah Yang Dilakukan Oleh Orang Asing Dalam Tempoh 1992-2002

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.1 Carta Organisasi FELDA
Rajah 2.2 Struktur Ekuiti Felda Holdings



DAFTAR SINGKAT

EMPA	<i>East Malaysian Planters' Association</i>
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FOMEMA	<i>Foreign Workers' Medical Examination and Monitoring Agency</i>
FSM	<i>Federation of Sabah Manufacturer</i>
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
ORC	Pusat Satu Bumbung



SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|--|
| Lampiran A | Peta Felda Gugusan Umas, Tawau, Sabah |
| Lampiran B | Logo FELDA Dari Tahun 1956 Hingga Sekarang |
| Lampiran C | Gambar Di Felda Umas, Tawau, Sabah |
| Lampiran D | Soalan dan Jawapan Temubual |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Globalisasi dikatakan sebagai satu konsep penting untuk memahami transformasi masyarakat dunia selepas era Perang Dingin (Mittleman, 1996). Ia adalah satu proses multidimensi yang merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial, teknologi dan sebagainya. Selain itu, globalisasi juga menjadikan jarak geografi bukan lagi sebagai faktor penghalang untuk negara-negara saling berhubungan dari segi ekonomi, sosial dan politik. Situasi ini juga turut menjadikan modal, teknologi dan manusia bergerak bebas seolah-olah tiada sempadan yang dapat menyekatnya (Poo Bee Hin dan Rahmah Ismail, 2003:106).

Langkah kerajaan dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia daripada pertanian kepada sektor perindustrian telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk. Namun penawaran buruh masih tidak dapat menampung permintaan yang tinggi. Bagi mengatasi masalah pengangguran, pada tahun 1990-an, kerajaan telah membenarkan kemasukan pekerja asing untuk bekerja di Malaysia. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengekalkan daya saingan negara di peringkat global.

Buruh asing yang bekerja di negara ini terdiri daripada 28 buah negara antaranya adalah dari negara Indonesia (73.4%), Filipina (19.7%), Bangladesh (2.2%) dan Thailand (0.9%). Sehingga bulan Disember 2000, sejumlah 732 588 pas lawatan kerja sementara (PLKS) telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada pekerja asing untuk pekerjaan sebagai pembantu rumah, pekerja ladang, buruh binaan, perkhidmatan perhotelan, perkilangan dan lain-lain (Jamal Ali, 2003:212).

Peneroka-peneroka FELDA adalah datang dari komuniti yang seragam dan mundur dari segi ekonomi. Mereka kemudiannya ditempatkan ke dalam persekitaran baru yang dalam banyak hal berbeza di tempat asal mereka. Oleh itu, mereka mestilah tinggal dan bekerja dengan orang-orang dari berlainan tempat, adat dan kebiasaan. Tanggungjawab FELDA adalah untuk membina satu masyarakat yang bersatu padu terdiri daripada peneroka-peneroka berlainan latar belakang (Tunku Shamsul Bahrin, P.D.A Perera dan Lim Heng Kow.1986: 168).

Kemasukan pekerja asing adalah sama ada secara sah ataupun haram telah menambahkan bilangan buruh tidak mahir di Malaysia dan telah menyekat buruh tempatan dalam kategori golongan berpendapatan rendah memperoleh faedah daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi negara sendiri. Kemasukan pekerja asing juga menyebabkan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Dalam kajian Winegarden dan Khor (1993) di Amerika Syarikat telah menunjukkan bahawa kesan kehadiran imigran haram terhadap ketidaksetaraan agihan pendapatan adalah kecil dan ia tersembunyi dalam pemboleh ubah sosioekonomi yang lain (Poo Bee Hin dan Rahmah Ismail, 2003:122-123).

Pendatang asing di Sabah adalah isu yang sentiasa mendapat liputan dan menjadi bualan sama ada di peringkat pihak atasan dan juga masyarakat tempatan. Pekerja asing yang terdapat di negeri Sabah adalah terdiri daripada pekerja asing dari negara Indonesia, Filipina dan ada sebahagian dari Bangladesh. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Bahagian Perangkaan Demografi Malaysia sehingga 30 Jun 2007, dianggarkan jumlah pekerja asing adalah melebihi 1.98 juta orang (www.detikdaily.net, 22.8.2008)

Menurut kenyataan Pengarah Imigresen Sabah, Jabatan Imigresen telah mendaftarkan seramai 132,000 pekerja asing pada tahun 1998 (Dayang Suria Haji Mulia, 2000:34). Oleh itu, melalui kenyataan Pengarah Imigresen Sabah tersebut kita dapat melihat pertambahan bilangan pekerja asing di negara kita adalah sangat tinggi dengan jumlah mereka pada tahun 2007 iaitu sebanyak 1.98 juta orang berbanding 132,000 orang pada tahun 1998. Bilangan pekerja asing di Sabah pula dianggarkan 1.75

juta orang termasuklah 322, 903 orang warga asing yang telah mendapat kewarganegaraan (www.detikdaily.net, 22.8.2008).

Menurut Salim Mohamad [Pengerusi Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (Empa)], sektor perladangan di negara kita merasai kesan kekurangan tenaga kerja dari negara Indonesia dalam sektor perladangan kerana kita memang bergantung kepada tenaga kerja dari negara jiran itu dan ini boleh dilihat kerana lapan puluh peratus (80%) hingga sembilan puluh peratus (90%) pekerja ladang adalah dari Indonesia (forum.detik.com). Ini adalah kerana pembukaan ladang kelapa sawit secara besar-besaran di Kalimantan, Indonesia telah memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara itu.

Pekerja asing di Sabah boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan iaitu buruh yang mempunyai permit kerja dan dokumen perjalanan yang sah, pelarian (*refugees*) dan juga pendatang tanpa izin (Dayang Suria Haji Mulia, 2000:34). Terdapat juga pekerja asing yang mempunyai permit kerja yang telah tamat tempohnya tetapi tidak memperbaharui permit tersebut. Pendatang tanpa izin adalah golongan yang memasuki negeri ini tanpa sebarang dokumen yang sah dan tidak melalui prosedur yang sebenar.

Kebanyakan pekerja asing yang bekerja di Sabah akan bekerja dalam sektor perladangan, perkilangan, pembinaan, dan pertanian. Mereka juga biasanya akan bekerja di kawasan yang agak jauh dari bandar iaitu seperti di ladang-ladang kelapa sawit seperti di Felda Umas dan juga ladang Sime Darby di Tawau serta Felda Sabahat di Lahad Datu. Dianggarkan sebanyak lebih 2000 orang pekerja diperlukan untuk bekerja di FELDA Sabah sebagai pekerja ladang pada masa sekarang bermula tahun 2008. Kekosongan tersebut disebarkan oleh pegawai-pegawai Felda dari Felda Sahabat, Lahad Datu yang bertugas semasa menyertai Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia di Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 2008. Kekosongan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang berminat. Namun, kebanyakan penduduk tempatan kurang berminat untuk bekerja di sektor perladangan dan ini merupakan punca utama pekerja asing akan mengisi kekosongan kerja tersebut.

Namun kekosongan sebanyak 2000 orang pekerja tersebut belum lagi terisi sepenuhnya seperti yang diinginkan oleh pihak Felda.

Kebanjiran pekerja asing di negeri ini juga memberi banyak implikasi yang positif dan negatif dari segi sosial, ekonomi, pendidikan, peluang pekerjaan, keselamatan dan juga peluang perniagaan yang terdapat di negeri ini (Dayang Suria Haji Mulia, 2000:35). Pelbagai peraturan dan tindakan yang telah diambil untuk menangani masalah yang berkaitan dengan pekerja asing. Bermula pada awal tahun 2008, pihak kerajaan telah melancarkan Ops Bersepadu iaitu penghantaran pulang pekerja asing secara besar-besaran ke negara asal mereka. Terdapat 4 depot tahanan sementara sebagai tambahan kepada kemudahan yang sedia ada untuk menampung seramai 130,000 pendatang tanpa izin yang turut bekerja di Sabah (Utusan Malaysia online, 13 Julai 2008). Pada tahun 1989 hingga Oktober 1991 Jabatan Imigresen telah menahan dan menghantar 177, 532 orang buruh asing (Jamal Ali, 2003:214 dalam tesis Arbaya Binti Lasaing, 2006).

1.2 Permasalahan Kajian

Kebergantungan Malaysia terhadap pekerja asing adalah amat tinggi terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembinaan, perladangan dan pembuatan. Berdasarkan statistik sehingga 30 Jun 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Bahagian Perangkaan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pekerja asing yang berada di Malaysia telah mencecah 1.98 juta termasuk hampir 400,000 pendatang tanpa izin (PATI) dan 10,000 yang ditahan di depoh tahanan. Selain itu, adalah dianggarkan terdapat 1.75 juta orang asing di Sabah termasuk lebih 322,903 orang warga asing dipercayai telah mendapat kad pengenalan Malaysia (www.detikdaily.net, 22.8.2008).

Penduduk Sabah yang melonjak sebanyak 363 peratus (%) daripada 648.693 pada 1980 kepada lebih tiga juta pada 2005 berbanding negeri Sarawak yang hanya naik 135 peratus (%) daripada 976,269 kepada 2.3 juta. Sebanyak 45,502 warga asing telah diusir pulang ke negara asal mereka dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2008 atas pelbagai kesalahan imigresen. Selain itu, sebanyak 24,000 daripada 49,000

penghuni penjara adalah warga asing dengan pelbagai kesalahan termasuk merompak, meragut, membunuh dan memperkosa (www.detikdaily.net, 22.8.2008).

Upah yang lumayan dan mudah mendapat pekerjaan di negeri ini adalah faktor tarikan ramai pekerja asing dari Indonesia yang datang ke Sabah. Mereka akan bekerja di sektor-sektor perladangan dan pertanian kerana sektor ini kurang menarik perhatian rakyat tempatan untuk menceburkan diri mereka. Oleh itu, pekerja asing lebih mendominasi sektor-sektor tersebut. Lagipun pekerja asing ini tidak memilih pekerjaan. Mereka akan mengambil setiap peluang pekerjaan yang ada asalkan mereka boleh mencari rezeki.

Selain itu, pekerja asing juga mudah untuk diperolehi terutamanya bagi majikan yang lebih suka menggunakan buruh Indonesia berbanding pekerja tempatan. Pekerja asing ini mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran mengenai pertanian yang diwarisi di negara asal mereka. Kemahiran tersebut mereka gunakan dengan baik apabila berada di negeri ini. Mereka juga tidak memilih pekerjaan seperti rakyat tempatan terutamanya golongan remaja yang tidak ingin melibatkan diri dalam sektor perladangan dan pertanian. Generasi muda lebih suka berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan daripada bekerja di FELDA. Oleh itu, sektor perladangan dan pertanian banyak dikuasai oleh pekerja asing.

Jadual 1.1: Pembahagian Kerja Bagi Pekerja Asing Mengikut Sektor Ekonomi di Sabah (2001-2003)

Sektor	2001		2002		2003	
	Nombor	%	Nombor	%	Nombor	%
Pembantu rumah	5,200	5.05	8,960	6.14	10,479	6.44
Perkilangan	11,408	11.09	11,608	7.95	14,886	9.14
Perladangan	80,414	78.17	115,819	79.34	129,840	79.76
Pembinaan	1,591	1.55	3,607	2.47	2,820	1.73
Perkhidmatan	4,126	4.01	5,946	4.07	4,586	2.82
Lain-lain	133	0.13	40	0.03	178	0.11

Jumlah	102,872	100	145,980	100	162,789	100
---------------	----------------	------------	----------------	------------	----------------	------------

Nota: Berdasarkan kepada Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)

Jadual 1.2: Pekerja Asing di Sabah Mengikut Kewarganegaraan (2001-2003)

Warganegara	2001		2002		2003	
	Nombor	%	Nombor	%	Nombor	%
Indonesia	91,871	89.31	132,031	90.44	153,721	94.43
Thailand	8	0.01	-	-	-	-
Filipina	10,666	10.37	13,944	9.55	9,063	5.57
Bangladesh	3	0.00	-	-	-	-
Pakistan	10	0.01	-	-	-	-
Lain-lain	314	0.30	4	0.00	5	0.00
Jumlah	102,872	100	145,980	100	162,789	100

Nota: Berdasarkan kepada Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)

(Azizah Kassim, ed., 2004, Proceedings of Seminar On Public Responses To Foreign Workers in Sabah).

Berdasarkan jadual 1.1, dapat dilihat pertambahan jumlah pekerja asing dalam sektor perladangan dalam tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2001 hingga 2003. Pada tahun 2001, jumlah pekerja asing dalam sektor perladangan adalah sebanyak 80,414 orang. Namun, jumlah tersebut meningkat pada tahun 2002 dengan jumlah 115,819 orang dan menjadi 129,840 orang pada tahun 2003. Hal tersebut menunjukkan bahawa sektor perladangan merupakan sektor yang menerima ramai pekerja asing dan pekerja asing Indonesia adalah paling ramai dalam sektor tersebut.

Hal tersebut dapat dilihat dalam jadual 1.2, yang menunjukkan bilangan pekerja asing Indonesia yang lebih ramai terdapat di Sabah. Bilangan pekerja asing Indonesia di Sabah meningkat dalam tempoh tiga tahun tersebut iaitu dari tahun 2001 hingga 2003. Pada tahun 2001, seramai 91,871 orang pekerja asing Indonesia yang bekerja di Sabah. Jumlah tersebut meningkat pada tahun 2002 dengan 132,031 orang kepada 153,721

orang pada tahun 2003. Berbanding dengan pekerja asing dari Filipina, pekerja asing Indonesia adalah lebih ramai bekerja di Sabah.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji kesan penghantaran semula pekerja asing ke negara mereka.
2. Melihat peranan dan polisi kerajaan dalam penghantaran pulang pekerja asing.
3. Pandangan pihak pengurusan terhadap penghantaran pulang pekerja asing di Felda Umas.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah implikasi kepada sektor perladangan apabila penghantaran pulang pekerja asing di Felda Umas.
2. Melihat persepsi jangka panjang dari segi pandangan pihak pengurusan terhadap isu penghantaran pulang pekerja asing ke negara asal mereka.

1.5 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada pekerja asing di FELDA Umas, Tawau, Sabah yang terlibat dalam sektor perladangan iaitu di ladang kelapa sawit sama ada mereka mempunyai permit kerja ataupun yang tidak mempunyai permit kerja yang sah. Gugusan Felda Umas Tawau merangkumi felda peneroka 1, 2, 3 dan juga 4. Selain itu, di dalam gugusan Felda Umas juga terdapat Felda *Plantations* yang terdiri daripada Felda Umas 5 dan juga Felda Umas 6. Felda *Plantations* ini berada di bawah *Felda Holdings Sdn Bhd*. Oleh itu, skop kajian pengkaji adalah melibatkan Felda Umas 5 sahaja.

Selain itu, kajian ini juga melibatkan pekerja asing yang berasal dari Indonesia yang merupakan pekerja asing majoriti bekerja di FELDA Umas, Tawau, Sabah. Kajian ini dijalankan kerana isu sekarang yang hangat diperkatakan adalah mengenai penghantaran pulang pekerja asing melalui Ops Bersepadu yang giat dijalankan.

Seramai 700 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan semasa Ops Bersepadu dilancarkan di enam buah daerah bermula Khamis lalu (Utusan Malaysia, 18.8.2008). PATI ini juga merupakan buruh asing yang bekerja tanpa dokumen yang sah di negeri ini. Melalui operasi tersebut seramai 1,400 warga asing yang telah diperiksa dan 700 orang PATI yang ditahan adalah disahkan sebagai PATI yang kebanyakannya dari Filipina dan juga Indonesia. Isu inilah yang merupakan faktor yang mendorong kajian ini ingin dilakukan.

Selain itu, pengkaji juga melihat kesan penghantaran semula pekerja asing ke atas pengurusan sumber manusia iaitu sama ada ianya memberi implikasi positif atau negatif. Pengkaji juga telah mengkaji sama ada pihak pengurusan sumber manusia mempunyai jalan penyelesaian yang efektif untuk menangani masalah tersebut.

1.6 Andaian

Penghantaran pulang pekerja asing akan memberi implikasi positif dan negatif terhadap sosioekonomi di Felda Umas.

1.7 Kepentingan Kajian

Ops Bersepadu yang dijalankan secara besar-besaran pada pertengahan tahun ini di Sabah melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang kebanyakannya berasal dari Indonesia dan Filipina. Sebahagian besar daripada mereka merupakan pekerja asing yang bekerja di Sabah tetapi tidak mempunyai dokumen perjalanan dan kerja yang sah. PATI yang berada di Sabah merupakan pekerja asing yang bekerja dalam pelbagai sektor seperti sektor perladangan, perkilangan dan juga pembinaan.

500 PATI diberkas dari 7 hingga 12 Ogos, manakala selebihnya dari 13 Ogos hingga petang kelmarin. Menurut Penolong Pengarah, Pasukan Petugas Khas (PPK) Persekutuan Sabah dan Labuan, Mejar Mohd. Rizam Ayob seramai 500 PATI ditangkap di Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang, manakala selebihnya di Keningau, Tambunan

dengan 700 daripadanya disahkan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang kebanyakannya dari Filipina dan Indonesia (Utusan Malaysia Online, 18.8.2008).

Oleh itu, hasil daripada kajian ini kelak diharap dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat dan pihak yang tertentu tentang kesan penghantaran pulang pekerja asing ke negara mereka. Isu penghantaran pulang pekerja asing ini juga menarik perhatian pengkaji untuk mengetahui apakah yang akan terjadi kepada sektor perladangan terutamanya di FELDA Umas, Tawau.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menyalurkan maklumat kepada organisasi iaitu FELDA dan juga organisasi yang banyak menggunakan tenaga kerja asing tentang kepentingan pekerja asing terhadap organisasi mereka. Disamping itu, kajian ini juga diharap dapat menyatakan kesan yang bakal mereka hadapi jika berlaku penghantaran pekerja asing sama ada secara sah ataupun penghantaran yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen seperti Ops Bersepadu.

Kepentingan kajian ini juga adalah pengkaji mengharapkan agar rakyat negara ini sedar agar tidak terlalu memilih pekerjaan dan bersedia bekerja di sektor perladangan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di sektor perladangan pada masa akan datang.

Kepentingan lain kajian ini dijalankan adalah untuk menyedarkan penduduk tempatan agar mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di dalam sektor-sektor tertentu seperti sektor perladangan. Belia-belia tempatan tidak seharusnya memilih pekerjaan tetapi merebut setiap peluang pekerjaan yang ditawarkan dan bukannya memberikan peluang tersebut kepada pekerja asing.

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Warga Asing

Pihak imigresen Malaysia mengkategorikan warga asing kepada tiga jenis iaitu:

- 1.) Pekerja asing profesional (Ekspatriat)
- 2.) Pekerja asing separa mahir dan tidak mahir
- 3.) Warga asing tanpa dokumen yang sah

1.8.2 Buruh Asing

Secara umumnya, buruh asing merujuk kepada individu yang bekerja di luar negara. Walaupun demikian, istilah buruh asing biasanya adalah berbeza mengikut pengkategorian yang dibuat samada berdasarkan negara asal, kemahiran dan jenis pekerjaan mereka. Contohnya di Malaysia, buruh asing merujuk kepada buruh separa mahir dan yang tidak mahir serta daripada negara sumber yang dibenarkan bekerja di Malaysia. Menurut Akta Kerja 1955 pula pekerja asing bermaksud pekerja yang bukan warganegara.

1.8.3 Penggunaan Buruh Asing

Penggunaan buruh asing dalam penyelidikan ini adalah merangkumi jumlah pekerja ataupun buruh asing Indonesia yang bekerja di Felda Umas, Tawau.

(Arbaya Binti Lasaing, 2006, tidak diterbitkan)

1.8.4 FELDA

FELDA merupakan singkatan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang telah ditubuhkan melalui Ordinan No. 20, 1956. Ia bertujuan untuk menggalak dan membantu penyelidikan, pembentukan dan melaksanakan diikuti oleh projek untuk pembangunan dan penempatan penerokaan tanah di Persekutuan Tanah Melayu (Surtahman Kastin Hasan, Zulkifli Senteri dan Zaimah Darawi, 1997:15-16).

1.8.5 Implikasi

Implikasi merupakan kesan yang diterima atau dialami oleh individu ataupun sektor-sektor yang terlibat dalam sesuatu bidang.

1.8.6 Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan sumber manusia ialah suatu aktiviti yang dijalankan dalam semua organisasi sama ada organisasi tersebut besar atau kecil dan juga sama ada organisasi berorientasikan perniagaan atau perkhidmatan (Maimunah Aminuddin, 2003). Selain itu, pengurusan sumber manusia juga ialah penggunaan aset-aset manusia organisasi untuk mencapai objektif-objektif organisasi (June M.L. Poon, 2006).

Pengurusan sumber manusia juga didefinisikan sebagai satu usaha untuk memperoleh, mendorong, membangun dan mengekalkan pekerja sesuai dengan falsafah, keperluan, budaya dan sumber yang wujud dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat penubuhan organisasi tersebut. Selain itu, menurut Ibrahim Mamat dan Zaiton Hassan (2008), pengurusan sumber manusia juga turut didefinisikan sebagai sebahagian daripada pengurusan sesebuah organisasi yang memberikan tumpuan khas kepada pembuatan keputusan, pembentukan strategi, pengenalan faktor, prinsip, operasi, amalan, aktiviti dan kaedah yang berkaitan dengan pengurusan manusia.

Pengurusan manusia yang dimaksudkan adalah manusia sebagai pekerja dalam semua jenis organisasi, termasuk organisasi maya. Semua usaha yang berkaitan dengan pengurusan pekerja dan juga pekerjaan mereka, termasuk usaha untuk merealisasikan potensi setiap individu pekerja dan juga kepada perkhidmatan adalah untuk meningkatkan kualiti persekitaran di tempat kerja (Ibrahim Mamat dan Zaiton Hassan, 2008).

RUJUKAN

Buku

- Asan Ali Golam Hassan & *et.al.* 1999. Kemiskinan & Agihan Pendapatan Di Tanah Rancangan Felda. Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Azizah Kassim (ed.). 2004. *Proceedings of Seminar On Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Bakakrishnan Parasuraman. 2006. Hubungan Industri Di Malaysia: Pendekatan dan Amalan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Che Su, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah dan Mohamad Sukeri Khalid. 2005. Pembangunan: Implikasi Sosial dan Fizikal. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Chua Yan Piaw. 2006. Asas Statistik Penyelidikan. McGraw Hill Education. Malaysia.
- Dahlia Zawawi. T.th. Quantitative Versus Qualitative Methods In Social Sciences: *Bridging The Gap*. Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor.
- Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin.2000. Hubungan Industri dan Sumber Manusia: *Isu dan Perspektif*. Universiti Malaysia Sabah.
- Jamal Ali. 2003. Ekonomi Malaysia: *Satu Analisis Dasar*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Lukman Z. Mohamad dan Azmi Abdul Manaf. 2003. Globalisasi di Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Maimunah Aminuddin. 2003. Asas Pengurusan Sumber Manusia. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor.
- Miles. Matthew B. & Huberman. A. Michael. 1994. Qualitative Data Analysis. Sage Publications. United Kingdom.

- Nik Hashim Nik Mustapha. 1996. Perancangan Pembangunan Pertanian Di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Poon. June M.L. 2006. Pengurusan Sumber Manusia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Sidek Mohd Noah. 2002. Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Surtahman Kastin Hasan, Zulikifli Senteri dan Zaimah Darawi. 1997. Sektor Pertanian: *Ke Arah Pembentukan Negara Perindustrian*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Selangor Darul Ehsan.
- Syed Arabi Idid. 2002. Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Tunku Shamsul Bahrin, P.D.A Perera dan Lim Heng Kow. 1986. Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Zulkifly Osman. 1989. Ekonomi Buruh: *Teori Permintaan dan Penawaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Bab Dalam Buku

- Azizah Kassim dan Fazli Abd. Hamid. 2004. *Public Responses To The Presence and Employment of Foreign Nationals in Sabah: Preliminary Notes*. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Page 81-102.
- Chew Sang Hai. 2004. *Foreign Constructions Workers: Why We Need Them*. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Page 47-54.
- Dayang Suria Hj. Mulia. 2000. *Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif*. Dalam Hubungan Industri dan Sumber Manusia. Dzurizah Ibarahim, Balakrishnan Parasuraman dan Rosazman Hussin. Hlmn 34-72.

- Daud Amatzin. 2004. Migrant Workers and The Plantations Sector. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Hj. Light Hj. Nanis. 2004. Foreign Workers: *Problems and Prospects*. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Page 1-18.
- Pg. Abdul Halim Pg. Rambang. 2004. Pengambilan Tenaga Kerja Asing: Pengalaman Agensi Pekerjaan Di Sabah. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Muka surat 65-80.
- Yap Cheen Boon. 2004. Immigrant Workers in Sabah: *Perspective of the Federation of Sabah Manufacturers (FSM)*. Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Page 19-26.
- Yap Pak Leong. 2004. Foreign Workers in Sabah: Views From East Malaysian Planters' Association (EMPA). Dalam Azizah Kassim (ed). *Proceedings of Seminar on Public Responses To Foreign Workers In Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Page 35-46.

Artikel

- Vijayakumari Kanapathy. December 2006. Migrant Workers In Malaysia: *An Overview*. Institute of Strategic and International Studies (Malaysia).

Akta Dengan Judul Sahaja

- JobsDB.com. *Interactive Recruitment Network*. T.thn.

Akta Kerajaan

- Immigration Act 1959/63 (Act 155) & Regulations And Orders & Passport Act 1966 (Act 150), (As at 30 November 2006), Malaysian Book Publishers Association.*

Karya Dalam Majalah

Dewan Masyarakat. 2007. 50 Tahun FELDA Dikagumi Dunia. September 2007 (43-44).

Latihan Ilmiah

Arbaiya Binti Lasaing. 2006. Penggunaan Buruh Asing di Ladang: *Satu Kajian Kes di Felda Umas, Tawau, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Tidak diterbitkan.

Jumatli Bin Jalil. 2006. Penggajian Buruh Asing Indonesia 1980-2005. Universiti Malaysia Sabah.

Laman internet

Apa jadi dengan 500 ribu warga China, 400 ribu warga India hilang di Malaysia dalam www.detikdaily.net/v4/modules.php?name=News&file=print&sid. 22.8.2008

Bab II: Buruh Asing dalam <http://72.14.235.132/search?>. 3 Mei 2009

Empat Depot Tampung Pendatang dalam <http://www.utusan Malaysia online.com.my> 13 Julai 2008.

Hentikan Pekerja Asing dalam <http://www.Utusan Malaysia Online.com.my>. 22 Januari 2009

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dalam <http://www.felda.net.my>. 2 Mac 2009

MTUC Sokong Beku Pengambilan Pekerja Asing dalam <http://www.Utusan Malaysia Online.com.my>. 22 Januari 2009

Nurinah Binti Mohd Ali. t.th. Pekerja Asing dan Kemiskinan di Malaysia dalam <http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day143.doc>. 208.2008

Operasi tahan PATI berterusan dalam <http://www.utusan> Malaysia online. 25.8.2008

Pengampunan Untuk Bantu Selesaikan Masalah Pengangguran dalam <http://www.bernama.com/>. 3 Mei 2009

Permohonan Pekerja Asing Di Sabah dalam <http://www.melayu.com>. 3 Mei 2009)

1.7 juta rakyat asing boleh jejas Malaysia dalam <http://www.berita> harian online.com.my. 13 Julai 2008

700 PATI di tahan dalam Ops Bersepadu dalam <http://www.Utusan> Malaysia Online.com.my. 18.8.2008